

LHDNM/R13/14



CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH

Pengenalan

- ➔ Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) dikenakan atas keuntungan daripada pelupusan/penjualan hartanah atau saham dalam Syarikat Harta Tanah (SHT)

Pengemukaan Borang CKHT

Perkara	Sebelum 1 April 2007	Mulai 1 Januari 2010
Pelupus/Penjual • Harta tanah • Syer dalam SHT	CKHT 1 CKHT 1	CKHT 1 A CKHT 1 B
Pemeroleh/Pembeli • Harta tanah • Syer dalam SHT	CKHT 2 CKHT 2	CKHT 2 A CKHT 2 B

Hantar Borang CKHT ke cawangan LHDNM di mana fail pelupus dikendalikan dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelupusan

Sertakan Dokumen Berikut

- ➔ Salinan Perjanjian Jual dan Beli (S&P) bagi pemerolehan dan pelupusan harta tanah
- ➔ Borang Pemindahan Saham (Borang 32A) bagi pemerolehan dan pelupusan saham dan Borang Pengagihan (Borang 24) bagi pemerolehan saham
- ➔ Salinan Surat Hakmilik (jika ada)/Borang Pindahmilik (KTN 14A)
- ➔ Resit bayaran dan invoice bagi perbelanjaan/kos sampingan

Remitan

- ➔ Pembeli dikehendaki meremit 2% daripada harga balasan atau kesemua wang balasan (yang mana lebih rendah) kepada LHDNM dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelupusan. Bagi pelupusan yang tidak dikenakan CKHT, pelupus boleh mengisi borang CKHT3 supaya remitan 2% tidak perlu dibuat

Pelupusan Yang Tidak Dikenakan CKHT

- ➔ Pelupusan dibuat selepas 5 tahun dari tarikh perolehan harta tersebut
- ➔ Pemberian atas kasih sayang/pemindahan di antara:
 - Suami dan isteri
 - Ibu bapa dan anak
 - Datuk/nenek dan cucu
- ➔ Keuntungan jualan rumah kediaman sekali seumur hidup bagi warganegara atau pemastautin tetap. Permohonan pengecualian mestilah dibuat dengan mengisi borang CKHT 1A Lampiran 4 dan CKHT 3 (Seksyen 8, Akta CKHT 1976)

Kadar Efektif CKHT mulai 1 Januari 2014

Pelupusan Aset Yang Boleh Dikenakan Cukai	Kadar Efektif		
	Pemastautin/ Warganegara	Bukan Pemastautin/ Warganegara	Syarikat
Pelupusan dalam tempoh 3 tahun daripada tarikh pemerolehan	30%	30%	30%
Pelupusan dalam tempoh 4 tahun daripada tarikh pemerolehan	20%	30%	20%
Pelupusan dalam tempoh 5 tahun daripada tarikh pemerolehan	15%	30%	15%
Pelupusan selepas tempoh 5 tahun daripada tarikh pemerolehan	-	5%	5%